

16/04/2000

10 layak tanding naib presiden

KUALA LUMPUR: Saingan untuk merebut tiga jawatan Naib Presiden menjadi tumpuan dalam pemilihan di Perhimpunan Agung Umno pada 11 Mei ini selepas semua 165 bahagian selesai mengadakan mesyuarat perwakilan, dengan Umno Bandar Tun Razak yang terakhir berbuat demikian, malam kelmarin.

Semua 10 calon sudah melepasi syarat kelayakan termasuk Tengku Razaleigh Hamzah tetapi Ketua Badan Perhubungan Umno Kelantan itu belum membuat keputusan sama ada untuk bertanding atau tidak.

Perebutan bagi jawatan hirarki ketiga dalam kepemimpinan Umno itu menjadi perhatian selepas dua jawatan tertinggi iaitu Presiden dan Timbalan Presiden dimenangi tanpa bertanding masing-masing oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dua penyandang Naib Presiden iaitu Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, akan dicabar tujuh calon lain.

Mereka termasuk tiga muka baru yang menawarkan diri buat kali pertama bagi merebut jawatan hirarki ketiga dalam kepemimpinan Umno iaitu Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar; dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Osu Sukam.

Turut dicalonkan ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin; dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Samad.

Pada pemilihan 1996, seramai tujuh calon bertanding jawatan Naib Presiden.

Bagi merebut 25 jawatan Majlis Tertinggi (MT), seramai 75 daripada senarai 121 yang dicalonkan, sudah melepasi kelayakan yang juga dijangka sengit. Pada 1996, 55 calon bertanding.

Antara muka baru yang menerima pencalonan agak banyak ialah Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob; Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Aziz Samsuddin; Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Salleh; Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Dr Helmi Yahya; Pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN), Abdul Azim Mohd Zabidi; dan Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (BBC), Datuk Dr Jamaluddin Jarjis.

Bagi Pergerakan Pemuda, Datuk Hishammuddin Tun Hussein memenangi jawatan ketuanya tanpa bertanding apabila hampir menyapu bersih pencalonan bahagian tetapi saingan sengit berlaku bagi merebut jawatan naib ketua antara dua exconya, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir dan Zein Isma Ismail.

Turut menjadi perhatian ialah perebutan jawatan Ketua Wanita antara penyandangnya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dan Datuk Seri Rafidah Aziz. Jawatan naib ketua ialah di antara Datuk Shahrizat Abdul Jalil dan Ainon Khariyah Mohd Abas.

Sementara itu, penyandang jawatan Pengerusi Tetap Umno, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah akan dicabar oleh Datuk Rizuan Abdul Hamid. Bagaimanapun, saingan sengit juga akan berlaku bagi merebut jawatan Timbalan Pengerusi Tetap yang kosong berikutan kematian Tan Sri Shoib Ahmad tahun lalu.

Dua belas calon akan bersaing termasuk dua calon yang tewas bagi merebut jawatan itu pada 1996 iaitu Datuk Azman Attar dan Datuk Idris Ibrahim.

Apa pun, keputusan muktamad terletak di tangan perwakilan Mei ini untuk menentukan nasib mereka yang menawarkan diri bertanding pelbagai jawatan dalam parti.

(END)

